

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**SAU313 – Undang-Undang Pekerjaan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Kertas soalan ini mengandungi lampiran.** Sila baca arahan berkaitan lampiran di ms (3).

Anda dikehendaki menjawab **TIGA (3)** soalan semuanya. Soalan di Bahagian A adalah **wajib**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B. Anda dinasihatkan menjawab setiap soalan dalam 3-6 mukasurat kertas jawapan sahaja.

### **Bahagian A**

Soalan di Bahagian ini **wajib** dijawab.

- 1) Bincangkan dengan kritis cara undang-undang Malaysia menjamin hak individu dalam hubungan pekerjaan. (100 markah)

### **Bahagian B**

Jawab **DUA (2)** soalan di Bahagian ini.

- 2) Senaraikan lima (5) situasi kerja dan bagi setiap satu bincangkan sama ada ia merupakan hubungan kontrak perkhidmatan atau kontrak untuk memberi khidmat. (100 markah)
- 3) Bincangkan dengan kritis tanggungjawab majikan berkaitan dengan
  - a) Upah  
**dan**
  - b) Cuti(100 markah)
- 4) Terangkan, dari sudut undang-undang pekerjaan, setiap perkara di bawah. Berikan contoh yang sesuai.
  - (i) Undang-undang bertulis
  - (ii) Undang-undang kontrak
  - (iii) Terma dan syarat
  - (iv) Ujian pelbagai/campuran(100 markah)
- 5) (a) Nyatakan bentuk-bentuk penamatan kontrak perkhidmatan. (30 markah)  
**dan**  
(b) Pilih dua (2) daripada bentuk penamatan kontrak yang anda senaraikan di atas dan bagi setiap satunya bincangkan cara undang-undang pekerjaan melindungi hak dan menentukan tanggungjawab individu dalam kontrak tersebut. (70 markah)

## Lampiran

### **Arahan berkaitan lampiran**

Lampiran-lampiran yang disertakan dalam kertas peperiksaan ini berfungsi hanya sebagai alat bantuan anda menjawab soalan-soalan peperiksaan bagi kursus ini. Anda diingatkan bahawa-bahan ini **tidak boleh membantu anda** jika anda tidak membuat persediaan khusus untuk peperiksaan ini.

Lampiran akan dikumpulkan semula apabila tamat waktu peperiksaan ini. Tolong **jangan** buat sebarang **tulisan atau tanda** di mana-mana mukasurat lampiran ini.

Lampiran ini mengandungi ekstrak daripada statut-statut berikut:

- 1) Akta Kerja 1955**
- 2) Akta Perhubugan Perusahaan 1967**
- 3) Akta Kesatuan Sekerja 1959**
- 4) Perlembagaan Persekutuan**